

Pesawat UAV-ARS bantu kumpul maklumat bencana



Madius (dua dari kiri) melihat sistem yang digunakan pesawat udara tanpa pemandu UAV-RS selepas majlis pelancaran di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]

Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) semalam melancarkan sebuah pesawat tanpa juruterbang (UAV-RS) bagi kegunaan awam dan memperoleh maklumat berkaitan bencana dalam masa sebenar.

Menterinya, Datuk Wilfred Madius Tangau, berkata UAV-RS yang membabitkan kos RM3 juta itu dibangunkan di dalam negara menerusi kerjasama Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) dengan Universiti Multimedia (MMU) dan Unmanned Systems Technology (UST) Sdn Bhd.

Mampu terbang selama 4 jam

Katanya, UAV-RS yang mula dibina pada tahun 2008 telah melakukan operasi penerbangan selama 180 jam dan berupaya melakukan penerbangan maksimum selama empat jam.

"Ia mampu mencapai tahap maksimum ketinggian tiga kilometer (km) dan boleh dikawal dalam radius 100km dari pusat kawalan," katanya selepas melancarkan UAV-RS di ARSM di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah ARSM, Azlikamil Napiah.

UAV-RS berperanan membantu

kementerian dan agensi kerajaan lain dalam menyalurkan maklumat, antaranya mengenal pasti dan menganalisis kawasan yang kerap berlaku banjir, kawasan 'titik panas' jerebu dan pelbagai lagi di seluruh negara.

Madius berkata, pesawat berkenaan mendapat pengiktirafan dari Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan mendapat kelulusan organisasi penyenggaraan daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Ia mampu mencapai tahap maksimum ketinggian tiga kilometer (km) dan boleh dikawal dalam radius 100km dari pusat kawalan"

Wilfred Madius Tangau,
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi